

Peperangan punca kemusnahan sejagat

BH - 30/10/2005
PGPF 2005 bincang isu kemanusiaan di samping membantah penindasan dan pembunuhan

Soal Jawab

? BAGAIMANA Tun mendapat idea untuk anjurkan forum ini?

Bukan semua idea saya. Saya juga dengar cakap orang. Bukan semua datang dari saya sendiri. Ia idea baik untuk menganjurkan forum ini.

? Kenapa forum ini begitu penting buat Tun?

Saya sering membaca dan menulis dan dapati peperangan pada masa ini semakin teruk. Dulu yang berperang hanya tentera di medan perang tetapi hari ini, seluruh negara menjadi medan peperangan. Kebanyakan mangsa yang kena bom adalah orang awam, semakin canggih dia punya *weapon*, makin ramai kena bunuh.

Di Iraq, peperangan menyebabkan lebih 500,000 kanak-kanak terbunuh dan peperangan itu juga sudah membunuh lebih 100,000 rakyat Iraq. Hanya 2,000 warga Amerika Syarikat (AS) terbunuh. Dia (AS) selamat, jadi dia bunuh orang saja la.

? Apakah konsep peperangan kini amat jauh berbeza dari dulu?

War is about killing people. Misalnya dalam sebuah negara, jika kita ada masalah dengan jiran kita, apakah kita akan menentang dan membunuhnya. Apa akan berlaku pada negara itu jika bertindak sedemikian.

Itulah situasi yang berlaku di dunia sekarang, jika tidak setuju dengan seseorang, kita bunuh orang itu. Bila kita kuat, kita akan menang. Ia bukan kerana kita berada di pihak yang benar, tetapi kerana kita lebih berkuasa.

Keadaan ini bertambah teruk kerana AS nak tukar regim, nak adakan *pre-emptive war*. Saya ada membaca kertas kerja ahli Kongres AS yang mewujudkan undang-undang bagi menghalalkan tindakan terhadap Iraq, Syria dan Iran.

Bolehkah sebuah negara wujud-

YAYASAN Kepimpinan Perdana akan menganjurkan Perdana Global Peace Forum 2005 (PGPF 2005) di Kuala Lumpur pada 14-17 Disember depan, yang akan menghimpunkan negarawan, intelektual, aktivis dan pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa untuk menyampaikan mesej keamanan. Presiden Yayasan Kepimpinan Perdana, TUN DR MAHATHIR MOHAMAD memberitahu MANJA ISMAIL, forum itu akan menjadi landasan kepada aktivis keamanan memulakan inisiatif mengubah pemikiran sejagat untuk mencintai keamanan serta membantah penindasan dan peperangan.

kan undang-undangnya untuk menjatuhkan sebuah negara lain. Itu tidak kena tetapi mereka tidak peduli. Mereka juga mengundi menyokong usul untuk membayar pembangkang di sesebuah negara bagi menjatuhkan kerajaan sedia ada. Bayangkan jika DAP di sini dapat duit dari kerajaan AS dan secara terbuka di siarkan dalam akhbar.

Mereka sekarang semakin bongkak sehingga mahu campur tangan dalam semua urusan politik negara lain. Mereka mahu pastikan semua kerajaan di dunia pro-Amerika. Mereka bukan mahu menegakkan demokrasi sangat, tapi kerajaan itu mesti pro-Amerika.

AS juga sedang merancang untuk melancarkan perang tanpa mengorbankan tentera mereka...mungkin dalam masa 20 tahun lagi mereka gunakan robot, kenderaan tanpa pemandu supaya tentera mereka tidak mati ketika membunuh rakyat negara lain.

Bagi saya keadaan ini semakin teruk. Kita perlu lakukan sesuatu. Kita tidak boleh percaya Amerika atau kerajaannya, kecuali rakyat mereka menentang perang.

? Apakah kempen atau bantahan seumpama itu boleh mengubah pendirian negara kuasa besar seperti AS?

Saya yakin jika kita lakukan secara berterusan, ia berkesan. Contohnya kempen alam sekitar, ia dulu langsung tidak dipedulikan tetapi dengan usaha NGO, alam sekitar sudah menjadi isu dan rakyat kini lebih menghargainya. Boleh tak kita lakukan perkara sama untuk mencapai keamanan?

Sepatutnya ada gerakan di peringkat global di mana rakyat akan berbincang dan mengutuk perang. Malah dalam pilihan raya misalnya, sesiapa yang tidak mempertahankan

keamanan, tidak akan dapat sokongan. Itulah satu-satunya cara untuk menyingkir pemimpin kerana pemimpin yang mengisytiharkan peperangan bukannya pemimpin rakyat.

Pemimpin seperti (George) Bush memiliki kuasa mutlak dan mampu mengisytiharkan perang. Ramai yang menentang Bush tetapi dalam pilihan raya, bukan semua yang akan mengundi. Satu-satunya cara adalah untuk memastikan rakyat bangun dan menentang. Kita harap menerusi forum global ini dapat mengajak masyarakat dunia menentang peperangan dan menyokong keamanan.

Itulah matlamat kita, forum lain peserta dan penceramah datang dan balik tanpa sebarang matlamat tetapi kita berusaha forum ini tidak habis setakat itu.

? Apakah Tun sudah berbincang dengan ahli Panel sehingga mereka setuju untuk menghadiri forum ini?

Tidak berbincang secara rasmi tapi mereka sememangnya dikenali sebagai penentang peperangan. Seperti mereka yang pernah menduduki badan penyiasat untuk mencari WMD (senjata pemusnah besar-besaran) di Iraq, hampir semua letak jawatan.

AS lebih percaya rakyat Iraq (dalam buangan) yang nak balik seperti Chellaby daripada badan penyiasat. Mereka yang maklumkan kepada AS kononnya wujud senjata pemusnah itu. AS nak percayakan orang sebegini.

Saya membaca buku tulisan John Pilger bertajuk *The New Rulers of The World*, penulis mendedahkan segala-galanya. Bagaimana Madeline Albright (bekas Setiausaha Negara AS) apabila ditanya adakah kematian 500,000 kanak-kanak di Iraq wajar untuk menghalalkan tindakan AS, menjawab 'adalah sukar untuk me-

nerimanya tetapi itulah kenyataan.'

Mereka tidak mempunyai perasaan langsung, membunuh 500,000 kanak-kanak bagi mereka bukan suatu perbuatan yang salah, mereka tidak ada perasaan kasihan. AS membunuh paling ramai penduduk dunia sama ada secara langsung atau tidak. Jika AS tidak menceroboh Iraq, tidak akan ada pembunuhan seperti sekarang.

Saddam Hussin ketika memerintah mungkin membunuh 500,000 nyawa tapi sekarang mereka bunuh 100,000 orang Iraq. Malah ketika sedang bersolat dalam masjid pun bom meletup. Semuanya kerana rakyat bertindak ganas. Cuma jika takut mereka tidak akan bertindak, tetapi sekarang mereka tidak takut langsung.

Dulu di Iraq tidak pernah ada pengembom berani mati, tapi sekarang setiap hari, satu atau dua kejadian berlaku. Semuanya kerana dasar politik Bush.

? Menerusi forum ini nanti, ada orang yang akan bercajak mengenai pandangan masing-masing. Apakah forum ini nanti dilihat hanya sebagai satu lagi platform untuk mengecam Amerika.

Apa salahnya dengan mengecam AS? Ramai menganggap AS tidak boleh dikecam walaupun mereka sentiasa mengecam pihak lain. Idea AS tidak boleh dikecam ini adalah propaganda mereka sendiri.

Jika ada yang melaporkan tidak ada senjata pemusnah, AS kata ada juga, maka orang lain tidak boleh kata tak ada. Ternyata sekarang memang didapati tidak ada senjata itu. Jadi siapa yang benar sekarang, AS benar atau individu lain. Tapi kita tak boleh katakan AS salah. Apa yang AS lakukan, kita tidak boleh kata apa-apa.



“ Mereka sekarang semakin bongkak sehingga mahu campur tangan dalam semua urusan politik negara lain. Mereka mahu pastikan semua kerajaan di dunia pro-Amerika. Mereka bukan mahu menegakkan demokrasi sangat, tapi kerajaan itu mesti pro-Amerika. AS juga sedang merancang untuk melancarkan perang tanpa mengorbankan tentera mereka...”

Tun Dr Mahathir Mohamad
Presiden Yayasan Kepimpinan Perdana

AS pernah kecam kita, tuduh kononnya saya amalkan kronisme tapi itu semua datang dari mana. Walaupun saya tidak lakukan tetapi mereka tetap membuat dakwaan. Seluruh dunia tahu AS lakukannya tapi tidak ada siapa kata apa-apa kerana ia akan dikatakan mengecam AS dan ia tidak boleh diterima.

Tapi siapa kita nak kecam, jika tidak kerana adanya AS tidak akan ada peperangan. AS bekalkan helikopter, kapal perang kepada Israel dan lain-lain. Kalau dia tak bekal, tak

sebab Bush tidak peduli. Malah, di Amerika sendiri, rakyat yang membantah atau memprotes dasar Rumah Putih kini ditahan.

Anwar (Ibrahim) memprotes sampai rosak macam-macam kita tidak tangkap orang tapi 300,000 protes di depan Rumah Putih, Bush tahan mereka semua. Jadi negara mana lebih selamat. Apakah media sedia melaporkan perkara itu. Di sini, 5,000 adakan demonstrasi tapi tidak ada yang ditahan tapi di AS, mereka bertindak menahan termasuk wanita.



ANGKUH: Tentera Amerika berkawal di sempadan Iraq dan Syria kononnya untuk memantau keganasan pada 27 Oktober lalu.

kan Israel dapat buat. AS begitu sombong. Saya tidak boleh terima keadaan ini.

Oleh itu, kita perlu mencetuskan idea untuk menghentikan semua ini. Sesuatu perlu dilakukan. Satu daripada caranya adalah rakyat AS sendiri menentang mana-mana pemimpin yang menyokong peperangan.

? Yayasan ada jaringan kerja dengan pertubuhan di AS?

Sedikit sajala, sebab itu kita jemput panel dari AS yang ada pengaruh. Mereka mewakili NGO. Dulu ketika kempen alam sekitar, tidak ada yang bersuara, tapi idea itu diteruskan dan akhirnya berjaya.

Isu peperangan lebih teruk daripada alam sekitar kerana ia membabitkan nyawa manusia, bukan satu dua orang tapi ratusan ribu. Bila AS pengaruhi Iraq untuk berperang dengan Iran, sejuta orang terbunuh di kedua-dua pihak, tapi akhirnya apa jadi pada Iran dan lepas itu AS hentam Iraq pula. Semua WMD dibekalkan.

? Pada 1960-an dan 70-an sudah ada gerakan membantah peperangan termasuk di Amerika sendiri. Malah ia menjadi sub-culture dengan muzik, filem dan lagu ketika itu banyak mengandungi mesej antiperang.

Ya, itu adalah langkah yang baik. Kita perlu menarik perhatian rakyat untuk sama-sama membabitkan diri dalam usaha menentang peperangan. Jika kita senyap, Bush akan terus membunuh

? Selepas forum ini, apakah langkah seterusnya Yayasan?

Keputusan akan dibuat pada forum itu apa pendekatan seterusnya tapi yang utama ialah adanya pergerakan global ke arah keamanan. Macam Bush, (John) Howard, (Tony) Blair, orang tahu mereka bohong tetapi mereka tetap dilantik semula. Apakah itu demokrasi?

? Apakah akan ada acara lain sempena forum itu nanti seperti perarakan keamanan dan sebagainya?

Kita ada banyak idea, tapi buat masa kini saya tak berhasrat untuk mendedahkannya.

? Yayasan dapat sokongan kerajaan untuk menganjurkan forum ini.

Tidak, kita lakukan sendirian, kita minta daripada pihak tertentu saja. Saya tidak mahu babitkan kerajaan kerana jika ia inisiatif kerajaan, akan jadi lain pula. Ini inisiatif sektor swasta dan ketulusan saya tidak lagi dalam kerajaan. Malah jika saya dalam kerajaan, tentu saya tidak dapat melakukannya.

? Bagaimana dengan penyertaan pada forum itu?

Ramai yang akan hadir, penceramah ramai jadi kena bahagi masa, begitu juga yang mahu datang sebagai peserta, aktivis sosial, NGO, golongan profesional dan ulama.